KEMENTERIAN PERUMAHAN
DAN KERAJAAN TEMPATAN

SIARAN MEDIA

RFN5 DAN DPN3 JADI PANDUAN STRATEGIK MASA DEPAN BANDAR MALAYSIA YANG BERDAYA TAHAN

PETALING JAYA, 4 November 2026 – Hala tuju perancangan fizikal dan pembangunan perbandaran negara diperkukuh menerusi **peluncuran Rancangan Fizikal Negara Kelima (RFN5) dan Dasar Perbandaran Negara Ketiga (DPN3) oleh Perdana Menteri, YAB Dato' Seri Anwar bin Ibrahim**, bersempena Sambutan Hari Perancangan Bandar Sedunia (HPBS) 2026 di Dewan Sivik, Majlis Bandaraya Petaling Jaya (MBPJ), hari ini.

Peluncuran kedua-dua dokumen strategik yang telah diluluskan oleh **Majlis Perancang Fizikal Negara (MPFN) Ke-51** ini menandakan komitmen Kerajaan MADANI dalam memperkukuh perancangan pembangunan negara yang mampan, seimbang, inklusif dan berdaya tahan, selaras dengan keperluan semasa serta cabaran masa depan.

Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan, YB Tuan Nga Kor Ming berkata, RFN5 menggariskan 13 Ikhtiar Perancangan Nasional sebagai panduan strategik pembangunan fizikal negara, manakala DPN3 memperkukuh hala tuju pembangunan perbandaran bagi mewujudkan bandar yang lebih mampan, berdaya huni dan sejahtera.

"Peluncuran RFN5 dan DPN3 mencerminkan komitmen kerajaan untuk memastikan pembangunan bandar dan fizikal negara dirancang secara lebih bersepadu, responsif serta berorientasikan kesejahteraan rakyat.

"RFN5 dan DPN3 bukan sekadar dokumen perancangan, tetapi merupakan kompas strategik dalam mencorakkan masa depan pembangunan fizikal dan perbandaran negara. Kedua-duanya menjadi asas untuk memastikan bandar di Malaysia terus berkembang secara mampan, inklusif, berdaya huni dan berdaya tahan dalam menghadapi cabaran urbanisasi serta perubahan iklim," kata beliau.

Tambah beliau, KPKT melalui Jabatan Perancangan Bandar dan Desa (PLANMalaysia) komited untuk memastikan dasar dan hala tuju ini diterjemahkan kepada pelaksanaan yang berkesan di setiap peringkat agar pembangunan yang dirancang bukan sahaja memacu pertumbuhan ekonomi, malah meningkatkan kualiti hidup dan kesejahteraan rakyat selaras dengan aspirasi Malaysia MADANI.

Sambutan HPBS 2026 yang bertemakan "Bandar Kita, Masa Depan Kita: Bersama Melakar Malaysia Makmur, Berdaya Tahan dan Sejahtera" mencerminkan komitmen bersama dalam memperkukuh agenda perancangan bandar mampan negara melalui kerjasama strategik KPKT menerusi PLANMalaysia, Pertubuhan Perancang Malaysia (MIP), Lembaga Perancang Bandar Malaysia (LPBM) dan MBPJ selaku bandar tuan rumah.

Sebagai pengiktirafan terhadap kecemerlangan dan komitmen dalam amalan perancangan bandar mampan, majlis turut menyaksikan **penyampaian Malaysia Urban Planning Awards (MUPA) 2026** yang melibatkan sebanyak 52 anugerah kepada PBT, agensi perancang dan pemaju. Pengiktirafan ini bertujuan menghargai usaha serta inovasi dalam memacu pembangunan bandar yang berkualiti dan berdaya saing **(Senarai penerima disertakan dalam Lampiran 2).**

Sambutan ini turut disokong oleh **penganjuran National Planning Congress (NPC) 2026 yang berlangsung selama enam (6) hari dari 31 Oktober hingga 5 November 2026,** menghimpunkan pakar perancangan bandar serta pemimpin kerajaan Persekutuan dan negeri bagi membincangkan isu, cabaran dan pendekatan strategik dalam memperkukuh pembangunan bandar serta perancangan spatial negara.

Majlis turut dihadiri Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Wilayah Persekutuan), YB Puan Hannah Yeoh Tseow Suan; Timbalan Menteri KPKT, YB Datuk Hajah Aiman Athirah binti Sabu; Ketua Setiausaha KPKT, YBhg. Datuk Wira Dr. M Noor Azman bin Taib; Ketua Pengarah PLANMalaysia, YBhg. Datuk TPr Dr. Alias bin Rameli; Datuk Bandar Petaling Jaya, YBhg. Dato' Mohd Yazid bin Sairi; serta Presiden MIP, YBrs. TPr Hjh. Mazrina binti Dato' Abdul Khalid.

#MalaysiaMADANI
#Kesejahteraan
#StrongerTogether
#DemiPertiwi
#UnityInDiversity
#RancakkanMADANI

Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT) terdiri daripada lapan (8) Jabatan/agensi kerajaan iaitu 1.Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia, 2. Jabatan Perumahan Negara, 3. Jabatan Kerajaan Tempatan, 4. Jabatan Pengurusan Sisa Pepejal Negara, 5. PLANMalaysia, 6. Jabatan Landskap Negara, 7. Tribunal Perumahan dan Pengurusan Strata dan 8. Institut Latihan Perumahan dan Kerajaan Tempatan. Agensi lain di bawah KPKT ialah Solid Waste Corporation Malaysia (SWCorp), Urbanice Malaysia, Syarikat Perumahan Negara Berhad (SPNB) dan Perbadanan PR1MA Malaysia (PR1MA).

Dikeluarkan Oleh : Unit Komunikasi Korporat
b.p. Ketua Setiausaha
Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan
Telefon : 03-8891 5555 I *Faks : 03-8891 5557* I *E-mel :* media.ukk@kpkt.gov.my